

**PM Dan Isteri Sampaikan Sumbangan Zakat
Bernama
27 Ogos 2011**

PEKAN, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor hari ini menyampaikan zakat syarikat-syarikat korporat berjumlah RM1.2 juta kepada golongan sasar di kawasan Parlimen Pekan.

Sejumlah RM1.2 juta zakat itu diagih-agihkan kepada 5,000 orang golongan miskin, ibu tunggal dan warga emas di kawasan berkenaan.

Zakat-zakat berkenaan adalah zakat yang dikeluarkan Bank Rakyat berjumlah RM500,000, Amanah Raya Berhad (RM200,000), Tabung Haji (RM100,000), Affin Islamic Berhad (RM100,000), Uda Holding Berhad (RM200,000) dan Perbadanan Nasional Berhad (RM100,000).

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=610772>